

06/03/2003

Malaysia tidak senang umpam 'bantuan kewangan'

Kadir Dikoh

DOHA: Malaysia tidak senang hati dengan penggunaan bantuan kewangan sebagai umpam mendapatkan sokongan serta pengaruh seperti dilakukan Amerika Syarikat terhadap Turki baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kaedah itu sudah lama dilakukan sehingga menyebabkan rakyat negara miskin terpaksa memilih wakil yang mereka sendiri tidak suka dalam pilihan raya semata-mata bagi mendapat faedah kewangan.

"Kita tidak senang, kita tidak gembira (cara itu) tetapi apa yang kita boleh buat? Kita tidak mampu menawarkan wang," katanya kepada wartawan Malaysia selepas perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Turki, Abdullah Gul di bilik penginapannya, di sini malam ini.

Baru-baru ini Amerika Syarikat menerima tamparan hebat apabila Parlimen

Turki enggan membenarkan askarnya ditempatkan di wilayah negara itu. Parlimen Turki dalam satu pengundian baru-baru ini menolak usul membenarkan 62,000 askar AS ditempatkan di selatan negara itu bagi melancarkan serangan ke utara Iraq.

Penolakan Parlimen Turki bermakna pangkalan tentera Turki juga tidak boleh digunakan oleh Washington. Sebelum itu, Washington berjanji memberi bantuan kewangan berbilion dolar kepada Turki.

Dr Mahathir berkata, Abdullah turut menyentuh mengenai isu itu dalam perbincangan kira-kira 45 minit dan mengakui negara itu kini menghadapi tekanan yang amat kuat daripada Amerika Syarikat.

"Dia (Amerika) janji untuk beri bantuan kewangan dan Turki memang perlu

kepada bantuan kewangan ini. Apabila diisytiharkan Amerika akan memberi bantuan kewangan, tindak balas pasaran amat baik. Apabila Parlimen (Turki)

buat keputusan tidak membenarkan Amerika (menempatkan tentera), bermakna bantuan kewangan tidak akan diperoleh dan sentimen pasaran jadi buruk.

"Dalam keadaan Turki yang sudah pun mengalami kemerosotan ekonomi, ini adalah sesuatu yang menekankan. Ini diberitahu oleh Abdullah," katanya.

Beliau juga berkata, kaedah menggunakan wang untuk mendapat pengaruh atau sokongan seperti sudah menjadi amalan mereka yang mempunyai wang.

Sebagai contoh katanya, ada negara di Asia Tenggara terpaksa mengikut telunjuk mereka yang memberi bantuan kewangan dan 'itulah cara yang kaya'.

Perdana Menteri berkata, perkara itu juga ditimbulkan ketika mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur minggu lalu dan sesetengah negara sanggup bekerjasama dengan pihak yang mereka anggap sebagai jahat selagi mereka sanggup melabur di negara itu.

Abdullah juga memberitahunya mengenai kesukaran Turki yang berdekatan dengan Iraq kerana jika tercetus perang, ramai pelarian melimpah ke negara

itu.

Mengenai sidang tergempar itu, beliau berkata, daripada segi kehadiran perwakilan, ia amat memuaskan. Walaupun tidak semua bercakap, nada suara adalah sama, iaitu berkisar kepada isu Iraq kecuali wujud perbezaan antara

Kuwait dan Iraq yang sememangnya dijangka.

"Tetapi semuanya bersetuju supaya Iraq tidak diserang. Mengenai Palestin

pula, semua mahu supaya dunia campur tangan dalam usaha menghentikan pembunuhan rakyat Palestin oleh Israel.

"Bagaimanapun, nampak jelas bahawa kita bergantung kepada orang lain jika nak buat apa-apa kerana negara Islam amat lemah. Tak adalah saya dengar apa-apa cadangan yang konkrit mengenai apa yang perlu dibuat oleh negara lain," katanya.

Beliau juga berkata, umat Islam sejagat atau OIC juga perlu merancang tindakan dengan mengkaji kelemahan serta kekuatan diri dan bukan bertindak

kerana perasaan marah untuk memuaskan hati yang akhirnya tidak akan menjamin kemenangan masyarakat Islam.

Dr Mahathir mengakui wujud perpecahan agak serius dalam OIC, tetapi yakin ia dapat diatasi "kerana saya percaya jika kita tumpu kepada apa yang kita setuju dan ketepikan apa yang kita tidak setuju, maka kita boleh

bercakap dengan satu suara.

"Contohnya, semua tidak setuju terhadap serangan Amerika terhadap Iraq dan kita harus tumpu di situ dan bukan membawa faktor luaran seperti masalah (negara terbabit) dengan Iraq," katanya.